

BAB 3: AYAT-AYAT HUKUM DALAM SURAH AL-NŪR

3.1 Pendahuluan

Surah al-Nūr mempunyai banyak pengajaran kepada semua umat Islam. Dalam sebuah riwayat daripada Hārith Ibn Muḍarrib r.a., menceritakan bahawa ‘Umar bin al-Khaṭṭāb r.a. yang ketika itu menjadi khalifah telah menulis surat dari Madinah ke tanah jajahan negeri Kufah. Surat tersebut meminta supaya pesuruhjaya jajahan itu mewartakan supaya setiap kaum wanita mempelajari surah al-Nūr.¹⁴³ Ini kerana dalam surah tersebut ada diterangkan hukum-hukum bagaimana seseorang itu memelihara kesucian maruah atau kehormatannya serta bagaimana menutupinya supaya tetap terpelihara dengan baik.

Oleh itu, dalam bab yang ketiga ini penulis akan mengemukakan tentang isi kandungan yang terdapat dalam surah al-Nūr. Seterusnya akan membincangkan sekitar ayat-ayat hukum yang terkandung dalam surah ini. Ini penting untuk dijadikan asas dalam perbincangan dalam bab yang keempat.

3.2 Pengenalan surah al-Nūr

3.2.1 Latar belakang surah.

Surah al-Nūr (سورة النور) adalah surah ke-24 dari al-Quran. Surah ini terdiri atas 64 ayat dan termasuk golongan surah-surah *Madaniyyah*. Surah ini mempunyai 1316 perkataan dan 5680 huruf.¹⁴⁴ Ia tergolong di dalam kategori

¹⁴³ Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghiy (2001), *Tafsīr al-Marāghiy*, Muḥammad Talib (terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, jil. 9, h. 4705.

¹⁴⁴ Maḥmūd Ibn Aḥmad al-‘Ainiy (1972), *‘Umdat al-Qāri ; Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, j. 15, h. 325.

surah yang disebut al-Mathānī¹⁴⁵ dan dimulakan dengan ayat daripada jumlah *khbariyyah*, iaitu :

سُورَةٌ أَنْزَلْنَاهَا وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ لَّعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Surah al-Nūr (24) : 1

Maksudnya : “Ini adalah satu surat yang Kami turunkan dan Kami wajibkan (menjalankan hukum-hukum yang ada di dalam) nya, dan Kami turunkan di dalamnya ayat-ayat yang jelas, agar kamu selalu mengingatnya”.

Surah al-Nūr mempunyai hubungan dengan surah al-Ahzāb berkenaan dengan perintah hijab . Dalam surah al-Ahzāb mengandungi perintah permulaan berkenaan hijab, kemudian perintah tersebut disempurnakan oleh surah al-Nūr. Ini bermakna bahawa surah al-Ahzāb diturunkan lebih awal dari surah al-Nūr.¹⁴⁶ Para ahli tafsir bersetuju bahawa surah ini diwahyukan selepas kempen memerangi Banī Muṣṭaliq (peperangan Banī Muṣṭaliq).¹⁴⁷ Pendapat ini disahkan oleh ayat 11 hingga 20 dalam surah al-Nūr yang membicarakan tentang isu fitnah terhadap ‘Aishah r.a. yang berlaku selepas kempen tersebut.¹⁴⁸

¹⁴⁵ Surah dalam al-Quran terbahagi kepada empat jenis iaitu pertama : *al-tiṭwāl* iaitu surah al-Baqarah, ‘Ali ‘Imrān, al-Nisa’, al-An‘am dan al-A‘raf, kedua: *al-Mi‘ūn* iaitu surah yang mempunyai 100 ayat atau lebih, ketiga: *al-Māthānī* iaitu surah-surah selepas dari surah *al-Mi‘ūn* dan mempunyai ayat yang kurang sedikit daripada 100 ayat, keempat : *al-Mufaṣṣal* iaitu surah-surah yang pendek. Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī (t.t), *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qur‘an*”, j.1, Mesir : Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī, h. 352.

¹⁴⁶ Lihat surah al-Nūr 24 : 32 dan 60.

¹⁴⁷ Abd Hadi Awang (1992), *Fiqh al-Harakah Dari Sirah Nabawiyyah*, Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar, h. 281.

¹⁴⁸ Abū A‘lā al-Mawdūdī (1991), *Tafsir Surah al-Nur*, A.M. Basalamah (terj.) Kejamkah Hukum Islam, Jakarta : Gema Insani Press, h.13.

3.2.2 Penamaan surah al-Nūr

Dinamakan al-Nūr yang bererti cahaya yang diambil dari kata al-Nūr yang terdapat pada ayat ke 35. Dalam ayat ini, Allah s.w.t. menjelaskan tentang Nur Ilahi, iaitu Al Quran yang mengandungi petunjuk-petunjuk. Petunjuk-petunjuk Allah itu, merupakan cahaya yang terang benderang menerangi alam semesta. Menurut al-Ṣābūnī ia dinamakan dengan surah al-Nūr kerana falsafah kandungannya mengandungi pancaran cahaya ketuhanan.¹⁴⁹

Pancaran cahaya ketuhanan ini terkandung di dalam perumpamaan yang dibuat oleh Allah s.w.t di dalam ayat ke 35 tersebut, iaitu yang berbunyi:

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجٍ
الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ
زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ
الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Allah pemberi cahaya kepada langit dan bumi. Perumpamaan cahaya Allah adalah seperti sebuah lubang yang tak tembus, yang di dalamnya ada pelita yang besar. Pelita itu di dalam kaca dan kaca itu seakan-akan bintang yang bercahaya seperti mutiara, yang dinyalakan dengan minyak dari pohon yang banyak berkah, iaitu pohon zaitun yang tumbuh tidak di sebelah timur dan tidak pula di sebelah barat, yang minyaknya sahaja hampir-hampir menerangi walaupun tidak disentuh api. Cahaya di atas cahaya (berlapis-lapis), Allah membimbing kepada cahaya-Nya siapa yang Dia kehendaki dan Allah memperbuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu”.

Dalam ayat di atas Allah telah menyebut perkataan al-Nūr sebanyak lima kali. Justeru apabila dilihat dari setiap sudut ayat ini, penamaan surah dengan surah al-Nūr adalah amat tepat sekali. Ia memperlihatkan bahawa pancaran

¹⁴⁹ Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī (t.t), *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur’an*, j.2, Damsyik : Maktabah al-Ghazali, h. 324.

cahaya ketuhanan itu terbit dan memancar dari setiap ayat dan ketetapan hukum yang terkandung di dalam surah ini.¹⁵⁰

Umumnya dinamakan surah al-Nūr kerana pancarannya menyuluh jalan kehidupan masyarakat manusia. Ini kerana di dalamnya diterangkan adab-adab dan kelebihan-kelebihan sesuatu dan mengandungi hukum-hukum dan kaedah-kaedah syariat. Cahayanya menerangi langit dan bumi dan menjadi petunjuk kepada orang-orang yang sesat untuk kembali ke jalan yang benar.¹⁵¹

3.2.3 Kelebihan surah al-Nūr

Antara kelebihan surah ini ialah surah ini memberi ketenangan kepada setiap mukmin yang menghayati dan mengamalkannya kerana ia menuju kepada kesucian diri dan kelembutan hati serta mengelakkan dari prasangka buruk, tohmahan dan segala perkara yang membawa kepada kerosakan. Diriwayatkan daripada Mujāhid bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: “Ajarkanlah lelaki-lelaki di kalangan kamu surah al-Mā'idah dan perempuan-perempuan di kalangan kamu surah al-Nūr ”. Diriwayatkan juga daripada Aisyah r.a. bahawa surah ini digalakkan untuk diajar kepada kaum perempuan.¹⁵²

3.2.4 Isi kandungan surah ini secara umum

Surah ini sebahagian besar isinya memuatkan petunjuk- petunjuk Allah yang berhubungan dengan soal kemasyarakatan dan rumah tangga. Sayyid al-Qutb dalam tafsirnya *Fī Zilāl al-Qur'ān* menyebut bahawa ketetapan syariat

¹⁵⁰ Aḥmad Mūsā , Aḥmad al-Shāḥat (t.t), *al-Adāb al-Khalqīyyat wa al-Ijtimā'īyyat fī Sūrah al-Nūr*, Kaḥerah : Mua'ssah al-Risālah, h.1

¹⁵¹ Wahbah Al-Zuhailī (1991), *al-Tafsīr al-Munīr*, j. 18, Beirut: Dar al-Fikr, h. 118

¹⁵² *Ibid.*, h. 119.

yang diturunkan oleh Allah dalam surah ini meliputi adab orang perseorangan, akhlak kekeluargaan dan etika sosial, memelihara nama baik, maruah dan keturunan manusia.¹⁵³

Dr. Wahbah al-Zuhaili menerangkan secara umum intipati yang terdapat dalam surah ini. Ia mengandungi hukum-hukum yang penting yang berkaitan dengan kekeluargaan dari aspek pembinaannya hingga kepada pengurusan rumah tangga, menjaganya daripada segala mara bahaya, mengutamakan kepada pengurusan rumah tangga secara sistematik dan menjaganya daripada kehancuran dan kebinasaan.¹⁵⁴

Antara intipati utama dalam surah ini ialah:¹⁵⁵

- a) Dimulakan dengan isu tentang hukuman kepada penzina, had qazaf, dan hukum *li'ān* dengan tujuan untuk menyucikan masyarakat daripada kefasadan dan percampuran nasab keturunan.
- b) Kemudian diterangkan kisah *al-ifk* iaitu sangkaan buruk dengan tujuan untuk membersihkan 'Aisyah r.a. daripada fitnah dan memerangi golongan yang cenderung kepada kejahatan melakukan fitnah tersebut.
- c) Seterusnya membincangkan tentang adab-adab kemasyarakatan dalam kehidupan seorang muslim seperti meminta izin sebelum masuk ke rumah, menjaga pandangan dan kemaluan, menutup perhiasan bagi kaum wanita daripada mahramnya dengan tujuan untuk menyatakan keharaman percampuran antara lelaki dan perempuan, galakan berkahwin bagi orang-orang bujang dengan

¹⁵³ Sayyid Qutb (1971), *fi Zilāl al-Qur'an*, j.6, Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabi, h. 55.

¹⁵⁴ Wahbah Al-Zuhaili (1991), *op. cit.*, h. 119.

¹⁵⁵ *Ibid.*, h. 119-121.

tujuan supaya dapat istiqamah dengan syariat Allah, memelihara keluarga muslim dan meraikan hal yang bersangkutan dengan pemuda pemudi serta untuk menjauhkan diri daripada fitnah.

- d) Kemudian diterangkan tentang keistimewaan syariat Islam iaitu ia menjadi cahaya petunjuk, kelebihan ayat al-Quran dan keistimewaan masjid-masjid.
- e) Seterusnya diterangkan sifat-sifat orang munafik dan orang-orang mukmin yang menjaga hukum Allah serta janji-janji kepada orang-orang mukmin yang mengerjakan amal saleh.
- f) Kemudian surah ini kembali menerangkan hukum minta izin kanak-kanak ke atas penjaganya untuk masuk ke bilik iaitu dalam tiga waktu yang telah ditetapkan, hukum bagi orang yang mempunyai keuzuran untuk pergi jihad, hukum makan di rumah kerabat dan adab-adab ketika dalam majlis keramaian.

Kesimpulannya surah al-Nūr mengandungi perkara-perkara berkenaan, pertama: Keimanan: Kesaksian lidah dan anggota-anggota atas segala perbuatan manusia pada hari kiamat; hanya Allah yang menguasai langit dan bumi; kewajiban rasul, hanyalah menyampaikan agama Allah; iman merupakan dasar daripada diterimanya amal ibadah. Kedua: Hukum-hukum iaitu hukum-hukum sekitar masalah zina, *li'ān* dan adab-adab pergaulan di luar dan di dalam rumah tangga. Ketiga: Kisah-kisah: Cerita tentang berita bohong terhadap Ummul Mukminin 'Aisyah r.a. Keempat: lain-lain iaitu janji Allah kepada kaum muslimin yang beramal saleh.

3.3 Sekitar Ayat-ayat Hukum Dalam Surah al-Nūr

Dalam surah ini terdapat beberapa ayat hukum. Dalam kitab *al-Sirāj al-Munīr*, al-Khaṭīb al-Shirbīnī mengkategorikan kepada sepuluh ayat hukum sahaja iaitu:

- a- Hukum pertama:¹⁵⁶ Hukum mengenai zina. Hukum mengenai zina.

Hukum zina terdapat dalam ayat yang kedua surah al-Nūr. Ianya berbunyi:

الرَّائِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِئَةً جَلْدَةً وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

Surah al-Nūr (24) : 2

Maksudnya: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.¹⁵⁷

- b- Hukum kedua :¹⁵⁸ Larangan berkahwin dengan pezina. Hukum ini terdapat dalam ayat 3 surah al-Nūr. Ianya berbunyi:

الرَّانِي لَا يَنْكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَالزَّانِيَةُ لَا يَنْكِحُهَا إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ وَحُرْمٌ ذَلِكَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ

Surah al-Nūr (24) : 3.

Maksudnya: Lelaki yang berzina (lazimnya) tidak ingin berkahwin melainkan dengan perempuan yang berzina atau perempuan

¹⁵⁶ al-Khaṭīb al-Shirbīnī (2004), *op.cit.*, j. 4, h. 365.

¹⁵⁷ Abdullah Basmeih (t.t), *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Darul Fikir, h. 890.

¹⁵⁸ Al-Khaṭīb al-Shirbīnī (2004), *op.cit.*, h.368.

musyrik; dan perempuan yang berzina itu pula (lazimnya) tidak ingin berkahwin dengannya melainkan oleh lelaki yang berzina atau lelaki musyrik. Dan perkahwinan yang demikian itu terlarang kepada orang-orang yang beriman.¹⁵⁹

- c- Hukum ketiga :¹⁶⁰ Hukum orang yang menuduh zina. Hukum ini terdapat pada ayat 4 dan 5 surah al-Nūr. Ianya berbunyi:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ . إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ.

Surah al-Nūr (24) : 4 dan 5

Maksudnya: Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawa empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya, kerana mereka adalah orang-orang yang fasik; kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu (dari kesalahannya yang tersebut) serta memperbaiki amalannya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.¹⁶¹

- d- Hukum keempat:¹⁶² Hukum *Li'ān* (suami menuduh isteri melakukan zina). Hukum ini terdapat pada ayat 6 hingga 10 surah al-Nūr. Ianya berbunyi:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنْفُسُهُمْ فَشَهَادَةُ أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ وَالْخَامِسَةُ أَنَّ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ * وَيَذَرُونَهَا الْعَذَابَ أَنْ تَشْهَدَ أَرْبَعَ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الْكَاذِبِينَ * وَالْخَامِسَةَ أَنَّ غَضَبَ اللَّهِ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ * وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ وَأَنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ حَكِيمٌ

Surah al-Nūr (24) : 6-10

¹⁵⁹ Abdullah Basmeih (t.t), *op.cit.*, h. 891

¹⁶⁰ al-Khaṭīb al-Shirbīnī (2004), *op.cit.*, h 371.

¹⁶¹ Abdullah Basmeih, *op.cit.*, h. 891.

¹⁶² Al-Khaṭīb al-Shirbīnī (2004), *op.cit.*, h. 373.

Maksudnya: Dan orang-orang yang menuduh isterinya berzina, sedang mereka tidak ada saksi-saksi (yang mengesahkan tuduhannya itu) hanya dirinya sendiri, maka persaksian (yang sah pada syara') bagi seseorang yang menuduh itu hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa sesungguhnya ia dari orang-orang yang benar; Dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata): Bahawa la'nat Allah akan menimpa dirinya jika ia dari orang-orang yang dusta. Dan bagi menghindarkan hukuman seksa dari isteri (yang kena tuduh) itu hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa suaminya (yang menuduh) itu sesungguhnya adalah dari orang-orang yang berdusta; Dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata); Bahawa kemurkaan Allah akan menimpa dirinya jika suaminya dari orang-orang yang benar. Dan kalaulah tidak kerana adanya limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, dan juga (kalaulah tidak kerana) bahawa Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Bijaksana, (tentulah kamu akan mengalami kesusahan yang sukar diatasi).¹⁶³

- e- Hukum kelima: Hukum menyebarkan cerita dusta. Hukum ini terdapat pada ayat 11 hingga 18 surah al-Nūr. Ianya berbunyi:

إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنْكُمْ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا لَّكُم بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ لِكُلِّ امْرِئٍ مِّنْهُمْ مَا اكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّى كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ عَظِيمٌ * لَّوْلَا إِذْ سَمِعْتُمُوهُ ظَنَّ الْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَأْنْفُسِهِمْ خَيْرًا وَقَالُوا هَذَا إِفْكٌ مُّبِينٌ * لَّوْلَا جَاءُوا عَلَيْهِ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَإِذْ لَمْ يَأْتُوا بِالشُّهَدَاءِ فَأُولَئِكَ عِنْدَ اللَّهِ هُمُ الْكَاذِبُونَ * وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ لَمَسَّكُمْ فِي مَا أَفَضْتُمْ فِيهِ عَذَابٌ عَظِيمٌ * إِذْ تَلَقَّوْنَهُ بِأَلْسِنَتِكُمْ وَتَقُولُونَ بِأَفْوَاهِكُمْ مَا لَيْسَ لَكُم بِهِ عِلْمٌ وَتَحْسَبُونَهُ هَيِّنًا وَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ عَظِيمٌ * وَلَوْلَا إِذْ سَمِعْتُمُوهُ قُلْتُمْ مَا يَكُونُ لَنَا أَنْ نَتَكَلَّمَ بِهَذَا سُبْحَانَكَ هَذَا بُهْتَانٌ عَظِيمٌ يَعِظُكُمُ اللَّهُ أَنْ تَعُودُوا لِمِثْلِهِ أَبَدًا إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ وَيَبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Surah al-Nūr (24) : 11-18

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi

¹⁶³ Abdullah Basmeih (t.t), *op.cit.*, h. 891-892.

kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang diantara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat). Sepatutnya semasa kamu mendengar tuduhan itu, orang-orang yang beriman – lelaki dan perempuan, menaruh baik sangka kepada diri (orang-orang) mereka sendiri, dan berkata: "Ini ialah tuduhan dusta yang nyata". Sepatutnya mereka (yang menuduh) membawa empat orang saksi membuktikan tuduhan itu. Oleh kerana mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka mereka itu pada sisi hukum Allah, adalah orang-orang yang dusta. Dan kalaulah tidak kerana adanya limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, di dunia dan di akhirat, tentulah kamu dikenakan azab seksa yang besar disebabkan kamu turut campur dalam berita palsu itu. Iaitu semasa kamu bertanya atau menceritakan berita dusta itu dengan lidah kamu, dan memperkatakan dengan mulut kamu akan sesuatu yang kamu tidak mempunyai pengetahuan yang sah mengenainya; dan kamu pula menyangkanya perkara kecil, padahal ia pada sisi hukum Allah adalah perkara yang besar dosanya. Dan sepatutnya semasa kamu mendengarnya kamu segera berkata: "Tidaklah layak bagi kami memperkatakan hal ini! Maha suci Engkau (ya Allah) dari mencemarkan nama baik ahli rumah Rasulullah! Ini adalah satu dusta besar yang mencengangkan. Allah memberi pengajaran kepada kamu, supaya kamu tidak lagi mengulangi perbuatan yang sedemikian ini selama-lamanya. Jika betul kamu orang-orang yang beriman. Dan Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan (hukum-hukumNya); kerana Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."¹⁶⁴

- f- Hukum keenam:¹⁶⁵ Hukum atau adab berkunjung dan bertamu. Hukum ini terdapat pada ayat 27 hingga 29 surah al-Nūr. Ianya berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّى تَسْتَأْذِنُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَى أَهْلِهَا ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ * فَإِنْ لَمْ تَجِدُوا فِيهَا أَحَدًا فَلَا تَدْخُلُوهَا حَتَّى يُؤْذَنَ لَكُمْ وَإِنْ قِيلَ لَكُمْ ارْجِعُوا فَارْجِعُوا هُوَ أَزْكَى لَكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ * لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ مَسْكُونَةٍ فِيهَا مَتَاعٌ لَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا تَكْتُمُونَ

Surah al-Nūr (24) : 27 – 29

¹⁶⁴ Abdullah Basmeih (t.t), *op.cit.*, h. 893-894.

¹⁶⁵ Al-Khatīb al-Shirbīnī (2004), *op.cit.*, h. 389.

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin dan memberi salam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu). Maka sekiranya kamu tidak mendapati sesiapa (yang berhak memberi izin) maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin; dan jika dikatakan kepada kamu "baliklah", maka hendaklah kamu berundur balik; cara yang demikian adalah lebih suci bagi kamu; dan ingatlah Allah Maha Mengetahui akan apa yang kamu lakukan. Tidaklah menjadi salah kamu memasuki (dengan tidak meminta izin) mana-mana rumah yang tidak didiami orang, yang ada keperluan kamu padanya; dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu zahirkan dan apa yang kamu sembunyikan.¹⁶⁶

- g- Hukum ketujuh :¹⁶⁷ Hukum menjaga pandangan (*ghaḍḍ al-baṣar*) dan memelihara kehormatan. Hukum ini terdapat pada ayat 30 dan 31 surah al-Nūr. Ianya berbunyi:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Surah al-Nūr (24) : 30-31

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang mereka

¹⁶⁶ Abdullah Basmeih(t.t), *op.cit.*, h. 397-398.

¹⁶⁷ Al-Khaṭīb al-Shirbīnī (2004), *op.cit.*, h. 392.

kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya, dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau bapa mertua mereka, atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.¹⁶⁸

- h- Hukum kelapan:¹⁶⁹ Anjuran menikah. Ianya terdapat pada ayat 32 surah al-Nūr yang berbunyi:

وَأَنكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنكُمُ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِن يَكُونُوا فُقَرَاءَ
يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Surah al-Nūr (24) : 32

Maksudnya: Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang salih dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya, kerana Allah Maha luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi Maha Mengetahui.

- i- Hukum kesembilan :¹⁷⁰ Hukum hamba yang dijanjikan akan dimerdekakan (*kitābah*). Hukum ini terdapat pada sebahagian ayat 33 surah al-Nūr. Ianya berbunyi:

¹⁶⁸ Abdullah Basmeih (t.t), *op.cit.*, h. 898.

¹⁶⁹ al-Khaṭīb al-Syirbīnī (2004), *op.cit.*, h. 398.

¹⁷⁰ *Ibid.*, h. 401.

وَلَيْسَتَغْفِرَ الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِيَهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَالَّذِينَ
يَبْتَغُونَ الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا وَآتُوهُمْ
مِّنْ مَّالٍ اللَّهُ الَّذِي آتَاكُمْ

Surah al-Nūr (24) : 33

Maksudnya: Dan orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya; dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekakan dirinya (dengan jumlah bayaran yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian); dan berilah kepada mereka dari harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu.¹⁷¹

- j- Hukum kesepuluh :¹⁷² Larangan terhadap paksaan melakukan zina (pelacuran). Ianya terdapat pada sebahagian ayat 33 surah al-Nūr yang berbunyi:

وَلَا تُكْرِهُوا فَتِيَاتِكُمْ عَلَىٰ الْبِعَآءِ إِنْ أَرَدْنَ تَحَصُّنًا لِّتَبْتَغُوا عَرَضَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
وَمَنْ يُكْرِهْنَهُنَّ فَإِنَّ اللَّهَ مِنْ بَعْدِ إِكْرَاهِهِنَّ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Surah al-Nūr (24) : 33

Maksudnya: Dan janganlah kamu paksakan hamba-hamba perempuan kamu melacurkan diri manakala mereka mahu menjaga kehormatannya, kerana kamu berkehendakkan kesenangan hidup di dunia. Dan sesiapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah – sesudah paksaan yang dilakukan kepada mereka – Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

¹⁷¹ Abdullah Basmeih (t.t), *op.cit.*, h. 900.

¹⁷² al-Khaṭīb al-Shirbīnī (2004), *op.cit.*, h. 402.

3.4 Kesimpulan

Al-Khaṭīb al-Shirbīnī telah membahagikan surah al-Nūr kepada beberapa bahagian ayat hukum. Beliau menyatakan sepuluh hukum terdapat dalam surah al-Nūr dan mentafsirkan ayat-ayat tersebut. Berdasarkan pendapat Abū al-Fars al-'Andalusī dalam kitabnya yang bertajuk *Ahkām al-Qur'ān* ada lebih kurang 14 ayat hukum¹⁷³ iaitu sepuluh sebagaimana yang dinyatakan di atas dan empat ayat lagi ialah berkenaan dengan adab meminta izin untuk masuk ke bilik ibubapa, aurat perempuan tua yang telah putus haid, adab makan minum di rumah kerabat dan adab ketika dalam majlis perhimpunan ramai.

¹⁷³ Abū al-Fars al-'Andalusī(2006), *Ahkām al-Qur'ān*, j. 3, Beirut: Dār Ibn Hazm, h. 383 dan 387.